

UNIT 13: Kesederhanaan

• Hidup Sederhana Bersama-sama Jiran

Buku Teks m.s. 116

Padankan situasi yang berikut dengan kelebihan amalan kesederhanaan dalam hidup berjiran yang sesuai. SP13.3 TP3

1. Sebagai orang yang terakhir, Kamala menutup semua suis elektrik di balai bacaan kawasan kejiranan.

Jiran dan tetamu yang lain dapat merasa hidangan lazat yang disediakan

2. Fendy tidak berebut-rebut ketika menaiki bas di kawasan kejiranan.

Dapat menjimatkan kos perbelanjaan membeli sampul surat baru.

3. Linda mengambil makanan yang mencukupi semasa majlis rumah terbuka jirannya.

Keselamatan diri dan jiran yang lain terjaga.

4. Sarjit Singh menghantar kad jemputan kepada jiran-jirannya dengan menggunakan sampul surat terpakai.

Memberi peluang kepada jiran-jiran yang lain mendapatkan bekalan air.

5. Maniam hanya membawa satu baldi sahaja ketika mendapatkan bekalan air daripada syarikat air.

Dapat mengamalkan sikap berjimat-cermat.

6. Albert membuka suis lampu balai raya yang perlu sahaja sebelum mesyuarat penduduk bermula.

Bayaran elektrik dapat dijimatkan.

Bulatkan tindakan yang patut kamu lakukan untuk menunjukkan kamu mengamalkan sikap sederhana dalam hidup berjiran. SPI3.5 TP6 **KBAT** Mengaplikasi

1. Beberapa orang anak jiran sedang berebut-rebut membeli aiskrim di taman permainan.

- A Sabar dan menunggu giliran untuk membeli aiskrim
B Ikut serta berebut membeli aiskrim

2. Kaki kamu telah dipijak oleh jiran kamu ketika bermain bola sepak. Jiran kamu memohon maaf.

- A Memarahi jiran kerana menyebabkan kaki kamu sakit
B Memaafkan jiran kerana dia tidak sengaja

3. Jiran kamu telah menghilangkan raket badminton kamu.

- A Memarahi jiran kamu dan tidak mahu berkawan dengannya lagi
B Mendengar penjelasan jiran dan memaafkannya

4. Kamu ditegur oleh jiran kerana berbuat bising ketika bermain di halaman rumah.

- A Memohon maaf dan berjanji tidak akan berbuat bising lagi
B Tidak berpuas hati dan menunjukkan tingkah laku yang kasar terhadap jiran

5. Semasa menelefon rakan, kamu dapati ramai jiran sedang berbaris untuk menggunakan telefon awam.

- A Bercakap perkara yang penting sahaja dengan rakan
B Membiarkan jiran lain menunggu sehingga kamu habis bercakap dengan rakan